

**PENGUASAAN SUKU KATA TERTUTUP (SKT) TULISAN JAWI DALAM  
KALANGAN MURID TAHUN TIGA**  
**(MASTERY OF CLOSED SYLLABLES (CS) OF JAWI WRITING AMONG YEAR  
THREE STUDENTS)**

AZMAN BIN CHE MAT<sup>1\*</sup>, SITI ATHIRAH BINTI MOHD ANWAR<sup>2</sup>, & AZARUDIN AWANG<sup>3</sup>

<sup>1,3</sup>Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

<sup>2</sup>Universiti Terbuka Malaysia, Kampus Kuala Terengganu

azman531@uitm.edu.my

*ABSTRAK*

Tulisan Jawi merupakan tulisan yang dikenali di nusantara khasnya di alam Melayu. Meskipun tulisan Jawi tidak lagi digunakan secara meluas, namun di Malaysia pengajaran dan pembelajaran (PnP) tulisan Jawi masih berlaku di sekolah kebangsaan Melayu memandangkan ia merupakan sebahagian daripada warisan kebudayaan bangsa. Namun, pengajaran dan pembelajaran (PnP) tulisan Jawi juga mempunyai cabaran, khasnya sistem ejaan Jawi yang digunakan sukar dikuasai oleh pelajar seperti penggunaan suku kata tertutup (SKT). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran murid mengenal dan menggunakan SKT serta menyingkap faktor yang menyebabkan SKT sukar dikuasai. Sebanyak 10 orang murid terlibat dalam kajian ini sebagai peserta kajian termasuk seorang guru yang mengajar pelajaran Jawi. Instrumen soal selidik, kertas ujian dan temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengutip data. Data yang dikutip kemudian dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan gambaran sebenar situasi yang berlaku dalam sampel kajian. Dapatkan kajian menunjukkan ada responden dapat menggunakan SKT pada perkataan tertentu, dan kebanyakan mereka masih keliru dan tidak menguasai SKT dengan baik. Kajian ini juga mendapati faktor seperti masa yang diperuntukan dan kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan secara lebih kreatif mengikut tahap kognitif pelajar yang lebih cenderung untuk aktiviti permainan yang meyeronokkan. Kajian ini penting kerana ia mampu menunjukkan pola penerimaan dan penguasaan tulisan Jawi yang membuka kepada kajian selanjutnya khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia.

*Kata Kunci:* Tulisan Jawi, kemahiran, suku kata tertutup, murid

*ABSTRACT*

Jawi script particularly is known in the Malay Archipelago. Although the Jawi script is no longer widely used, but in teaching and learning (TnL) of Jawi still applies in Malay primary school as it is part of the cultural heritage of the nation. However, the teaching and learning (TnL) of Jawi script also has challenges, especially the Jawi spelling system used which is difficult for students to master such as the use of closed syllables (SKT). This study aims to identify the skills of students to recognize and use SKT and as well as reveal the factors that cause students face difficulties to learn SKT. A total of 10 pupils were involved in this study including one teacher who teaches Jawi lessons. A questionnaire, test papers and semi structured interviews were used as instruments for data collection. The obtained data was then analyzed descriptively to get an actual picture of the situation that occurred in the study sample. Findings of the study show that some respondents can use SKT on certain words, and most of them are still confused and do not master SKT well. The study also found that factors such as time allocated and methods of teaching and learning need to be done more creatively according to the cognitive level of

students who are more adorable to fun activities. This study is necessary because it might show the pattern of acceptance and mastery of Jawi writing that opens to further study, especially among school pupils in Malaysia.

*Keywords:* Jawi writing, skills, closed syllables, students.

## **1. Pendahuluan**

Menurut Norhashidah Hashim (2018), tulisan Jawi merupakan tulisan terawal yang pernah dijumpai di Malaysia. Tulisan ini berkembang semenjak zaman Kerajaan Islam Pasai, kemudian disebarluaskan ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke- 17. Antara bukti wujudnya tulisan ini di Malaysia ialah dengan penemuan Batu Bersurat Piagam Terengganu yang bertarikh 702H/1303M sedangkan tulisan rumi yang paling awal ditemui ialah pada akhir kurun ke- 19.

Tulisan Jawi merupakan satu warisan bangsa Melayu yang mesti dipelihara. Kebelakangan ini, penguasaan dan minat masyarakat terhadap Jawi didapati sangat berkurangan. Tulisan Jawi menjadi terpinggir setelah kerajaan memutuskan bahawa tulisan rumi digunakan sebagai medium untuk penyampaian Bahasa Melayu dan pada masa yang sama, Pendidikan Islam juga menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi. Hal ini mengakibatkan tulisan Jawi semakin hilang daripada masyarakat Melayu di Malaysia.

Walaupun begitu, tulisan Jawi kembali diberi nafas baru apabila kerajaan mewajibkan Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi dan menyediakan buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi. Pada masa yang sama, bekas Perdana Menteri yang kelima Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi memperkenalkan program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (J-QAF) di sekolah-sekolah rendah bermula pada tahun 2005, seolah-olah memberikan tulisan Jawi nafas baru untuk membugarkan semula kegemilangan tulisan Jawi.

## **2. Sorotan Literatur**

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan tulisan Jawi. Bagi memastikan kajian ini terfokus, hanya kajian yang melibatkan pembelajaran dan penguasaan tulisan Jawi sahaja diteliti untuk dibincangkan.

Naziroh Ibrahim (2015) mendapatkan tahap membaca dan membina perkataan melalui suku kata Jawi kurang dikuasai oleh murid. Pembelajaran secara latih tubi dan intensif menjadi alternatif untuk menolong murid dalam pemulihan Jawi supaya mereka boleh menguasai kemahiran mengenal, menyebut, membaca dan menulis tulisan Jawi seterusnya membina perkataan melalui suku kata.

Dapatan kajian oleh Farah Nur Imaniah (2011) pula menjelaskan kemahiran membaca dengan menggunakan kad suku kata tertutup KSK dan gambar dapat ditingkatkan berpandukan keputusan kajian beliau dalam ujian pos berbanding dalam ujian pra. Keputusan kajian beliau menyatakan kesemua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang mana murid pertama mendapat pertambahan markah sebanyak 58.3%. Markah murid kedua bertambah sebanyak 58.3%, murid ketiga meningkat sebanyak 62.5%, murid keempat meningkat sebanyak 58.3% dan murid kelima sebanyak 58.3%. Pertambahan markah ini menjelaskan bahawa penguasaan murid dalam kemahiran membaca juga telah bertambah melalui penggunaan kad suku kata. Menurut beliau lagi, ganjaran, peneguhan dan motivasi sangat penting bagi murid yang lemah. Berkaitan dengan ganjaran juga, kajian oleh Nor Hayati Ahmad Mokhtar (2012) menerangkan bahawa kaedah pemberian ganjaran salah satu kaedah untuk menarik minat responden menyiapkan tugasannya mereka dengan betul dan kemas. Kajian beliau mendapati ganjaran yang diberikan merupakan peneguhan yang positif.

Nik Rusila Yaakob (2001) mengkaji berkenaan penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian dalam subjek Pendidikan Islam. Kajian ini secara terperinci menerangkan dengan tepat mengenai penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar. Meskipun demikian, kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa buah sekolah menengah yang sudah tentunya agak berbeza dengan situasi dan keadaan yang berlaku di sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini menjadi rujukan penulis sebagai kajian awal yang dirujuk untuk menentukan hala tuju kajian yang akan dijalankan oleh penulis.

Seterusnya, Amri Daud (2005) menjalankan kajian keberkesanan program J-QAF di dua buah sekolah Perintis di Terengganu. Kajian ini meneliti modul-modul yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dari aspek Jawi, modul ini terperinci dan menghuraikan keberkesanan aktiviti pemulihan Jawi yang dilakukan oleh guru J-QAF. Aktiviti pemulihan ini hanya melibatkan modul mengenal dan membaca huruf tunggal Jawi. Hal ini kerana pada masa tersebut, J-QAF baru diperkenalkan dan hanya bermula pada tahun satu.

Wan Mat Sulaiman (2013) telah melaksanakan kajian secara khusus yang bertujuan untuk melihat bahagian, pola dan kaedah penulisan Jawi baru. Perkara ini selalu menjadi kesukaran untuk pelajar dalam pembelajaran dan penulisan Jawi. Kajian ini mengenal pasti salah satu isu yang menjadi permasalahan ialah penggunaan vokal alif dalam Jawi untuk menggantikan vokal ‘a’ dalam rumi sama ada dalam suku kata terbuka atau tertutup. Perkara ini juga mengakibatkan pelajar menghadapi kesukaran bagi menguasai kemahiran mengeja, membaca dan menulis Jawi dengan ejaan yang betul. Pelajar menghadapi kesukaran bagi menentukan bila vokal ‘a’ diterjemahkan kepada alif dalam Jawi atau sebaliknya. Semasa pengajaran Jawi, kaedah inilah yang banyak mengelirukan pelajar. Kekeliruan ini mengakibatkan mereka gagal bagi menguasai kemahiran menulis perkataan suku kata terbuka serta SKT Jawi dengan betul dan masalah yang sama juga yang dihadapi oleh subjek dalam kajian ini.

Ringkasnya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa pengajaran tulisan Jawi mendapat perhatian dalam arus pendidikan negara, khasnya di peringkat sekolah rendah kebangsaan. Faktor psikologi pelajar didapati mampu memberi kesan positif kepada pembelajaran tulisan Jawi seperti minat dan sikap yang positif. Manakala kaedah amali oleh guru dalam pengajaran seperti latih tubi dan alat bantu yang sesuai dapat membantu proses pembelajaran tulisan Jawi. Aspek sistem tulisan Jawi baru pula menunjukkan ada beberapa perkara yang memerlukan perhatian khasnya penggunaan huruf vokal alif ‘a’ kerana ada persamaan dengan ejaan rumi yang menggunakan padanan ‘a.’ Pengkaji amat yakin bahawa terdapat lagi aspek-aspek lain yang menjadi kesukaran dalam pembelajaran ejaan tulisan Jawi sistem baru. Justeru itu, kajian ini memberi perhatian kepada penggunaan Suku Kata Tertutup (SKT) dalam sistem ejaan Jawi baru seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikutnya.

### **3. . Pernyataan Masalah**

Mohammed Khoudrey Abd Hamid (2014), menjelaskan sejarah pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai kaedah dengan menggunakan buku-buku atau teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi adalah hasil daripada pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab bagi disesuaikan dengan lidah orang Melayu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, huruf Ga (ڱ) diperkenalkan dengan berpandukan bunyi huruf Kaf dan Jim (ڽ) serta Cha (ڽ) berpandukan bunyi huruf Ta (ڽ) dan (ڽ). Oleh kerana itu, tulisan Jawi adalah salah satu medium asas bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada masa kini terutamanya dalam pembelajaran al-Quran. Tujuan pelajaran Jawi ialah bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis dan membaca Jawi untuk membolehkan pelajar memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Pengajaran Jawi merupakan salah satu bidang dalam subjek Pendidikan Islam. Terdapat banyak kaedah serta teknik yang mesti digunakan dari semasa ke semasa mengikut tahap kemahiran murid. Namun begitu, hal ini sukar untuk murid yang lemah dalam pelajaran Jawi kerana mereka hanya diberi masa belajar dan berlatih serta mempraktikkan kemahiran menulis Jawi yang dipelajari pada waktu persekolahan sedia ada atau yang belajar pada masa tambahan di sekolah semasa kelas KAFA pada waktu petang. Selain masa untuk pemulihan Jawi hanya 30 minit seminggu tidak mencukupi kerana pelajaran Jawi perlu memastikan mereka diberi latihan yang banyak terutama dari segi penulisan (Mimijiana Ahmad, 2014).

Oleh kerana murid tahun tiga ini bakal menduduki Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) maka, keputusan ujian ini penting untuk menentukan hala tuju seterusnya apabila hendak memasuki Sekolah Menengah Agama (SMA). Pada peringkat ini, murid-murid dijangkakan sudah pandai menulis Jawi dengan mahir dan menguasai kemahiran menulis Jawi sebelum mereka menduduki peperiksaan UPKK. Justeru itu, kajian ini memberikan perhatian kepada penguasaan kemahiran tulisan Jawi Suku Kata Tertutup (SKT) dalam kalangan murid tahun tiga. Hal ini kerana tahun tiga menjadi penanda aras dalam penilaian ini kerana murid-murid tahun tiga sudah terlibat dengan Kem Pengukuhan Jawi (KPJ). Sepatutnya murid ini sudah menguasai asas ini sebagai persediaan kepada kemahiran yang seterusnya.

#### 4. Objektif

Objektif kajian ini seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti kemampuan murid-murid untuk mengenal SKT, menyambung huruf menjadi SKT dan menyusun tulisan Jawi SKT menjadi satu perkataan,
- (ii) Mengenal pasti bentuk SKT yang tidak boleh dikuasai oleh murid dan faktor-faktor penghalang kepada murid tidak boleh menulis tulisan Jawi SKT.

#### 5. Metodologi

Kajian ini dikategorikan sebagai kajian kes. Menurut Mohd Majid Konting (2009), “kajian kes ialah penyelidikan yang dijalankan secara intensif oleh penyelidik ke atas unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat.” Reka bentuk kajian dibangunkan bagi meninjau dan melihat tahap penguasaan tulisan Jawi khususnya pada SKT dalam kalangan murid sekolah rendah.

##### 5.1. Sampel dan persampelan

Kajian ini memfokuskan kepada 10 orang murid tahun tiga melibatkan lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan. Pemilihan pelajar ini adalah secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana mempertimbangkan kesediaan responden untuk terlibat dalam kajian ini. Selain itu, seorang Guru KAFA ditemu bual dalam perbincangan profesional.

##### 5.2. Kaedah pengumpulan data

Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu soal selidik, ujian kemahiran Jawi dan temu bual menggunakan soalan separa berstruktur.

###### 5.2.1. Soal selidik

Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Profil Responden, bahagian B: Maklumat Pembelajaran Jawi Responden dan bahagian C: Maklumat Amalan

Pembelajaran Kemahiran Menulis Jawi SKT. Item soal selidik dibangunkan sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan skor yang dapat dikira dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

#### *5.2.2. Ujian bertulis*

Ujian ini merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data untuk menilai dan mengesan kemahiran murid. Untuk kajian ini dua jenis ujian digunakan, iaitu Ujian Awal dan Ujian Akhir. Masa yang diperuntukkan bagi menilai tahap penguasaan murid terhadap tulisan Jawi ialah selama 30 minit seorang. Ujian ini dijalankan dalam tempoh dua (2) bulan.

#### *5.2.3. Temu bual*

Kaedah temu bual atau wawancara adalah kaedah yang digunakan bagi memperolehi keterangan atau pendirian secara lisan. Dalam usaha memperolehi data serta maklumat, pengkaji menggunakan kaedah ini dengan memilih seorang guru KAFA yang mengajar Mata Pelajaran Jawi di dalam kelas. Pengkaji menemu bual responden dengan memfokuskan kepada dua (2) perkara utama, iaitu maklumat profil responden dan maklumat mengenai amalan pengajaran dan pembelajaran Jawi.

### **5.3. Analisis**

Secara keseluruhan, data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan analisis kesalahan. Pendekatan ini diyakini dapat memberi maklumat yang berguna kepada pengkaji untuk mengetahui masalah yang dihadapi dalam pembelajaran tulisan Jawi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

## **6. Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini membincangkan perkara berikut mengikut susunan ini, iaitu demografi responden, hasil ujian responden dan temu bual dengan informan. Hasil ujian responden dan temu bual menjadi asas kepada objektif kajian diterangkan bersama.

### **6.1. Demografi responden**

Demografi responden diperincikan dalam dapatan kajian untuk memperolehi gambaran latar belakang sosial setiap responden yang terlibat dalam kajian ini. Meskipun demikian, maklumat demografi tidak digunakan untuk menghuraikan dapatan kajian ini.

Jadual 1: Demografi responden

Bil .	Kategori	Perkara	Kekerapa n	Peratusa n
1	Gender	Lelaki	5	50%
		Perempuan	5	50%
2	Pendidikan Penjaga	Tiada Pendidikan Formal	5	50%
		Sekolah Rendah	1	10%
		Sekolah Menengah	3	30%
		Diploma	1	10%
3	Pendapatan Keluarga	RM 2500 dan ke atas	2	20%
		RM 2000 – RM 2500	1	10%
		RM 1500 – RM 1000	3	30%
		RM 1000 dan ke bawah	4	40%
4	Bahan Tambahan Jawi	Buku Nota Padat Jawi UPKK	3	30%
		Internet	4	40%
		Kamus Jawi	2	20%

		Tiada	1	10%
5	Pandangan Responden	Mudah	1	10%
		Sederhana	4	40%
		Susah	2	20%
		Amat Susah	3	30%

Berpandukan jadual 1 di atas, peratusan tertinggi, iaitu 50% (5 orang) penjaga responden tidak berpendidikan formal. Hal ini kerana pekerjaan majoriti ibu atau penjaga responden ialah suri rumah sepenuh masa. Seterusnya diikuti dengan 30% (3 orang) berpendidikan di Sekolah Menengah, 10% atau 1 orang sahaja berpendidikan di peringkat diploma dan 10% (seorang) sahaja berpendidikan di Sekolah Rendah.

Jadual di atas juga menerangkan peratusan tertinggi pendapatan keluarga responden. Pendapatan antara RM1500-RM1000 sebanyak 4 orang, iaitu 40%. Seterusnya 30% (3 orang) responden yang keluarganya berpendapatan RM1000 dan ke bawah, diikuti pula 10% (seorang) responden dengan keluarga yang berpendapatan antara RM2000-RM2500. Manakala, untuk keluarga yang berpendapatan RM 2500 dan ke atas ialah 20% (2 orang). Kebanyakan pekerjaan bapa atau penjaga responden terdiri daripada petani, buruh dan penjawat awam.

Manakala latar belakang responden yang berkait dengan bahan-bahan bantu untuk subjek Jawi pula, peratusan tertinggi mendapati responden menggunakan internet sebagai sumber selain buku teks dalam meningkatkan penggunaan pelajaran Jawi dengan nilai 40% atau 4 orang responden. Seterusnya 30% (3 orang) responden menggunakan buku nota Jawi UPKK, 20% (2 orang) responden menggunakan Kamus Jawi. Selain itu, ada juga responden yang hanya bergantung kepada buku teks sahaja sebagai bahan rujukan dalam strategi menguasai pelajaran Jawi. Nilai peratusan untuk responden yang tidak menggunakan sumber lain ialah 10% (seorang) sahaja. Pengkaji yakin dengan strategi responden menggunakan bahan lain selain daripada buku teks boleh menjamin penguasaan pelajaran Jawi dengan lebih cepat.

Berkaitan dengan pandangan responden pula, kebanyakan responden, iaitu 40% (4 orang) berpendapat bahawa mempelajari pelajaran Jawi ialah pada tahap sederhana. Seterusnya 30% (3 orang) yang mengatakan amat susah bagi mempelajari Jawi, manakala 20% (2 orang) responden berpendapat susah dalam mempelajari Jawi dan 10% (seorang) responden merasakan bahawa mempelajari Jawi adalah mudah.

## 6.2. Kemahiran menguasai SKT Jawi

Perbincangan dalam dapatan ini dikemukakan bagi menjawab objektif pertama kajian, iaitu kemampuan murid-murid untuk mengenal SKT (SKT), menyambung huruf menjadi SKT dan menyusun tulisan Jawi SKT menjadi satu perkataan. Bagi mencapai objektif ini, analisis pembelajaran kemahiran menulis SKT responden dijelaskan seperti berikut:

### 6.2.1. Amalan pembelajaran

Jadual 2: Amalan pembelajaran pelajaran jawi khususnya dalam kemahiran menulis SKT


Bil	Kenyataan	Ya	Tidak
1	Bermasalah dalam mengenal pasti, menyambung suku kata tertutup dan menukar tulisan rumi kepada Jawi	6 (orang/ 60%)	4 (orang/ 40%)
2	Minat akan aktiviti menulis di dalam kelas	3 (orang/ 30%)	7 (orang/ 70%)
3	Hanya membuat latihan dalam buku teks sahaja	2 (orang/ 20%)	8 (orang/ 80%)
4	Selalu bertanya kepada guru	1 (orang/ 10%)	9 (orang/ 90%)

Jadual 2 di atas menerangkan amalan pembelajaran pelajaran Jawi khasnya dalam kemahiran menulis. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden bermasalah dalam mengenal pasti, menyambung SKT dan menukar tulisan Rumi kepada Jawi dengan nilai 60% atau 6 orang. Manakala, yang tidak bermasalah dalam mengenal pasti, menyambung SKT dan menukar tulisan Rumi kepada Jawi hanya 40% atau 4 orang sahaja.

Selain itu, 30% (3 orang) sahaja berminat dengan aktiviti menulis di dalam kelas. Manakala, 70% (7 orang) tidak berminat aktiviti menulis di dalam kelas. Seterusnya, 20% (2 orang) hanya membuat latihan dalam buku teks sahaja. Manakala, 80% (8 orang) lagi tidak membuat latihan dalam buku teks. Akhir sekali, hanya satu (1) orang responden (10%) sahaja selalu bertanya kepada guru sama ada di luar kelas atau di dalam kelas. Manakala, 90% (9 orang) lagi tidak bertanya kepada guru walaupun tidak pandai atau tidak faham mata pelajaran yang diberi oleh guru.


#### 6.2.2. Penguasaan SKT

Skop kajian tahap penguasaan SKT ialah SKT Pola Vokal (a) Gugur Alif, SKT Pola Vokal (i) dan SKT Pola Vokal (u/a). Secara keseluruhan, semasa ujian dilaksanakan hasil kajian menunjukkan 40 % murid mengenal SKT dan 60 % murid tidak mengenal SKT (rujuk lampiran 6).



Graf 1: Peratus tahap penguasaan responden mengenal SKT

Maklum balas responden yang diperolehi menunjukkan hanya 40% sahaja yang mengenal SKT manakala bakinya sebanyak 60% murid tidak mengenal SKT. SKT adalah suku kata yang berakhir dengan huruf konsonan, berlainan dengan suku kata terbuka yang berakhir dengan huruf vokal (alif, wau, ya). Murid tidak dapat membezakan antara SKT dan suku kata terbuka.



Graf 2: Tahap responden mengenal SKT Pola Vokal (a, u, i)

Seterusnya, graf 2 di atas menunjukkan 70% (7 orang) murid telah mengenal manakala 30% (3 orang) murid pula tidak mengenal SKT pola vokal (a) gugur alif. Manakala bagi SKT pola vokal (u), hasil kajian menunjukkan 50% (5 orang) murid mengenal dan 50% atau 5 orang murid tidak mengenal SKT pola vokal (u). Akhir sekali, SKT pola vokal (i), hasil kajian menunjukkan 30% atau 3 orang murid mengenal dan 70% (7 orang) murid tidak mengenal SKT pola vokal (i).

#### 6.2.3. Kemahiran menyambung huruf menjadi SKT

Pengkaji menjalankan ujian melalui latihan menulis ke atas 10 responden dengan menggunakan SKT Pola Vokal (a) Gugur Alif, SKT Pola Vokal (i) dan Suku Kata Pola Vokal (u/o). Ujian ini bertujuan untuk mengukur penguasaan murid- murid tahun tiga menyambung huruf menjadi SKT dijelaskan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kemahiran Responden Menyambung Huruf Menjadi SKT

SKT (ب)	Boleh Menyambung		Tidak Boleh Menyambung	
	JUM	%	JUM	%
بس	10	100%	0	-
جم	10	100%	0	-
بن	10	100%	0	-
به	10	100%	0	-
ڦم	10	100%	0	-
تین	5	50%	5	50%
سین	4	40%	6	60%
بوت	6	60%	4	40%
ون	7	70%	3	30%
واع	5	50%	5	50%
رام	4	40%	6	60%
تل	8	80%	2	20%
گون	1	10%	9	10%
تیغ	2	20%	8	80%
بم	3	30%	7	70%
مین	9	90%	1	10%
سغ	4	40%	6	60%
کر	9	90%	1	10%
لث	2	20%	8	80%
سیر	6	60%	4	40%
گور	7	70%	3	30%
بیت	8	80%	2	20%
سوغ	0	0%	10	10%
کوچ	5	50%	5	50%
فیل	6	60%	4	40%
سوف	0	0%	10	10%

Berdasarkan jadual 3 di atas, 100% (10 orang) murid tidak boleh menyambung huruf menjadi SKT سوف، سوغ (سوف). Hal ini kerana murid mungkin keliru sama ada huruf wau itu boleh disambung atau tidak boleh disambung. Namun begitu, ujian ini mendapati 100% (10 orang) murid boleh menyambung huruf menjadi SKT (بس، جم، بن، لث، گون، تیغ، بم، مین، سغ، کر، لث، سیر، گور، بیت، کوچ، فیل).

Bagi SKT pola vokal (a), 100% atau 10 orang murid dapat menyambung suku kata (بس)، 30% atau 3 orang murid suku kata (بم)، 40% atau 4 orang murid suku kata (سغ) dan 100% atau

10 orang murid suku kata (ج). Bagi SKT pola vokal (i) pula 80% atau 8 orang murid dapat menyambung (بیت), 60% atau 6 orang murid suku kata (سیر), 50% atau 5 orang murid dapat menyambung suku kata (تین), 40% atau 4 orang murid suku kata (سین), 60% atau 6 orang murid suku kata (قیل) dan 20% atau 2 orang murid suku kata (تیغ). Bagi SKT pola vokal (u/o) pula 60% atau 6 orang murid dapat menyambung (بوت), 50% atau 5 orang boleh menyambung suku kata (کوف) dan 10% atau 1 orang murid boleh menyambung (کون).

Hasil dapatan kajian bagi SKT pola vokal (a) gugur huruf alif mendapat peratus tertinggi, iaitu 100% atau 10 responden boleh menyambung dengan betul dan tepat dengan cara kaedah tulisan Jawi yang betul. Hal ini kerana suku kata yang berakhir dengan huruf tersebut sangat mudah disambung oleh responden kerana bentuknya ringkas.

#### 6.2.4. Kemahiran menyusun tulisan Jawi SKT menjadi satu perkataan

Hasil ujian yang berikutnya bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan murid dalam menyusun tulisan Jawi SKT menjadi satu perkataan.

Jadual 4: Kemahiran responden menyusun huruf SKT menjadi satu perkataan

SKT	Boleh Menyusun Huruf Menjadi Satu Perkataan		Tidak Boleh Menyusun Huruf Menjadi Satu Perkataan	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%
<b>Bantal</b>	6	60%	4	40%
<b>Hancur</b>	6	60%	4	40%
<b>Panjang</b>	3	30%	7	70%
<b>Masam</b>	5	50%	5	50%
<b>Ambil</b>	6	60%	4	40%
<b>Pensel</b>	7	70%	3	30%
<b>Cantik</b>	10	100%	0	0%
<b>Kuntum</b>	3	30%	7	70%
<b>Jemput</b>	8	80%	2	20%
<b>Ombak</b>	3	30%	7	70%

Jadual 4 di atas menunjukkan 70% (7 orang) murid tidak boleh menyusun huruf menjadi satu perkataan SKT seperti (panjang, kuntum, ombak). Suku kata tersebut melibatkan SKT pola vokal (a) dan pola vokal (u). Manakala 100% (10 orang) murid boleh menyusun huruf menjadi satu perkataan SKT (Cantik) yang merupakan suku kata tertinggi yang boleh ditulis oleh responden.

Bagi SKT vokal (a), 60% atau 6 responden dapat menyusun SKT untuk ejaan (bantal), 60% (6 orang) responden bagi ejaan (hancur) dan 30% (3) responden suku kata (panjang). Bagi SKT vokal (i) pula, 60% (6 orang) responden dapat menyusun tulisan Jawi bagi perkataan (ambil) dan 70% (7 orang) responden dapat menyusun huruf bagi perkataan (pensel). Manakala SKT vokal (u), 30% (3 orang) responden dapat menyusun huruf perkataan (kuntum), 80% atau 8 orang responden dapat menyusun huruf perkataan (jemput) dan ini merupakan suku kata tertinggi yang boleh disusun oleh responden dan hanya 30% atau 3 orang responden dapat menyusun huruf perkataan (ombak).

#### 6.3. Faktor responden tidak mampu menguasai SKT

Bagi mencapai objektif kedua kajian ini, pengkaji telah membuat temu bual dengan guru pelajaran Jawi untuk mendapatkan maklum balas. Objektif kedua kajian ialah untuk mengenal pasti bentuk SKT yang tidak boleh dikuasai oleh murid dan faktor-faktor penghalang kepada murid tidak boleh menulis tulisan Jawi SKT.

Berdasarkan temu bual dengan guru pelajaran Jawi, terdapat beberapa bentuk SKT yang masih lagi belum dikuasai sepenuhnya oleh murid-murid ini seperti SKT pola vokal (a) gugur alif manakala SKT pola vokal (u) kebanyakannya boleh dikuasai oleh murid. Perkara ini menunjukkan suku kata yang berakhir dengan huruf tersebut seperti “nga”, “mim”, “pa” dan “ga” sangat susah ditulis oleh murid-murid walaupun kerap kali diberi latih tubi oleh guru mereka. Meskipun begitu, terdapat usaha dilakukan untuk menambah bahan pengajaran dengan menggunakan beberapa bahan rujukan seperti Buku Mahir Jawi, Modul Literasi Jawi dan Buku Latihan Jawi terbitan Fargoes dan buku teks KAFA sukatan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Faktor yang menyebabkan murid tidak menguasai SKT juga disebabkan oleh sesi pengajaran yang telah ditetapkan. Analisis temu bual seterusnya mendapati guru tidak menggunakan waktu lain selain daripada waktu yang sudah dikehendaki oleh pihak sekolah bagi pengajaran dan pembelajaran (PDP) Jawi. Hal ini kerana tiada ruang dan peluang antara pihak guru dan murid dalam menetapkan masa yang sesuai. Oleh sebab itu, kedua-dua pihak perlu memiliki aktiviti sendiri selepas waktu belajar sama ada aktiviti ko-kurikulum atau aktiviti bersama keluarga.

Faktor berikutnya ialah kurang amalan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) dalam sesi kelas tulisan Jawi. Menurut informan, beliau hanya menggunakan BBM ini mengikut keperluan sahaja, iaitu bukan pada setiap sesi PDP digunakan. Perkara ini berlaku mungkin kerana sesi pelaksanaan kelas Jawi itu tidak sesuai untuk menggunakan BBM setiap masa. Hakikatnya, dalam menetapkan sesuatu aktiviti agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, guru juga perlu menggunakan BBM. Terdapat beberapa BBM yang boleh digunakan seperti permainan Jawi seperti Roda Jawi, Kad Imbasan, tayangan multimedia, nasyid dan sebagainya.

Faktor teknik penyampaian pengajaran juga didapati menyumbang kepada kelemahan pelajar menguasai SKT tulisan Jawi. Melalui temu bual yang dilakukan bersama guru mengenai pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis SKT di dalam kelas didapati guru memberi tumpuan kepada menyambung huruf menjadi suku kata dan perkataan serta menukar suku kata atau perkataan daripada tulisan rumi kepada tulisan Jawi semasa sesi PDP.

Berpandukan temu bual ini juga, terdapat beberapa bentuk latihan kemahiran menulis yang kerap digunakan oleh guru dalam memberi latihan pengukuhan kepada murid-murid. Bentuk latihan yang digunakan seperti menyalin semula, penulisan berulang, menyambung huruf dan suku kata, padanan dan suaikan, isi tempat kosong, susun huruf menjadi satu perkataan dan menukar tulisan rumi kepada Jawi dan sebagainya. Guru tersebut menjelaskan bahawa dia kerap memberi latihan kepada murid-murid sama ada latihan di dalam kelas ataupun latihan sebagai kerja rumah.

Meskipun teknik penyampaian yang disampaikan oleh guru bersifat intensif, namun besar kemungkinan tahap kognitif murid-murid belum dapat menyerap semua teknik yang digunakan. Justeru itu, teknik ini boleh diiringi dengan sesi yang lebih bersifat aktiviti bermain yang menyeronokkan dengan menggunakan BBM.

Faktor terakhir berdasarkan hasil temu bual dengan guru tersebut, kelemahan sebenar murid dalam mata pelajaran Jawi adalah berpunca daripada lemahnya murid dalam penguasaan membaca dan menulis Jawi walaupun pada hakikatnya pengetahuan murid dalam Jawi adalah tinggi. Buktinya sekolah ini sudah menyediakan soalan pelajaran Jawi dengan tulisan Rumi dan didapati markah yang diperolehi oleh murid tersebut lebih tinggi daripada soalan yang disediakan dalam tulisan Jawi.

## **7. Kesimpulan**

Penguasaan tulisan Jawi sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sebahagian besarnya ditulis dalam Jawi. Murid juga diwajibkan untuk cekap menguasai kemahiran Jawi agar mereka boleh mempelajari dan membaca al-Quran dengan lancar. Walaupun kajian yang dilakukan ini hanyalah melibatkan sejumlah kecil murid sahaja namun pengkaji yakin ia boleh menjelaskan secara umum keberkesanan kajian tersebut untuk menolong guru-guru bagi melihat sejauh mana penguasaan Jawi dalam kalangan murid tahun 3 dan secara tidak langsung dapat mengetahui punca yang mengakibatkan kelemahan penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid di sekolah itu.

Berpandukan kajian ini, jelaslah bahawa tahap penguasaan tulisan Jawi hanya mendapat skor 40 % menunjukkan murid-murid mengenal SKT. Dapatkan kajian menunjukkan SKT Pola vokal (a) gugur huruf alif mendapat peratus tertinggi, iaitu 100% (10 orang) responden boleh menyambung dengan betul dan tepat dengan cara kaedah tulisan Jawi yang betul. Hal ini kerana suku kata yang berakhir dengan huruf tersebut sangat mudah disambung oleh responden kerana bentuknya sangat mudah, kemahiran menyusun huruf Jawi SKT menjadi satu perkataan pula mendapat skor 80% (8 orang) responden yang tertinggi boleh menyusun pada perkataan jemput. Dapatkan kajian ini mencadangkan supaya guru-guru yang mengajar Jawi menggunakan kedua-dua bahan tulisan Rumi dan Jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya semua murid boleh memahami bahan Jawi yang diajar oleh guru. Cara pengajaran juga boleh dipelbagaikan mengikut keperluan murid yang memiliki latar belakang keupayaan yang berlainan dalam penguasaan Jawi. Hal ini bertujuan bagi memudahkan murid-murid sekolah rendah memahami pengajaran guru dan memudahkan mereka untuk belajar dengan baik. Cadangan kajian lanjut ialah dengan melibatkan sampel yang lebih besar, contohnya melibatkan sampel daripada bandar dan luar bandar agar dapatkan kajian lebih lengkap. Dari sudut cara pengumpulan data, cara temu bual dan pemerhatian di samping cara memperolehi data melalui soal selidik, responden yang terlibat pada masa akan datang mesti diperluaskan kepada Guru-guru Pelajaran Jawi lain, seperti Ketua Panitia Pendidikan Islam, Penolong-penolong Kanan ataupun Guru Besar (Norhashidah Binti Hashim, 2018).

Pengkaji juga mencadangkan supaya Pejabat Yayasan Islam kerap mengadakan kursus atau bengkel Jawi kepada guru-guru dan juga kepada murid-murid bagi memperkasakan pelajaran Jawi sebagai contoh mengadakan Bengkel Penulisan Jawi bagi guru dan Kem Cemerlang Jawi peringkat daerah untuk murid dan lain-lain. Manakala, untuk Jabatan JAKIM atau Kementerian Pendidikan Malaysia, dicadangkan agar modul yang dibekalkan ke sekolah dalam program Kem Pengukuhan Jawi (KPJ) mesti disemak semula kerana kekangan masa untuk dihabiskan dalam masa 2 hari bagi satu kem. Pihak Kementerian mesti menambah bilangan hari kem kepada 2 bulan sekali berbanding sekarang ini hanya 2 kali setahun yang dianggap tidak mencukupi bagi mengatasi murid yang lemah Jawi.

Pada masa yang sama, Pihak Kementerian mesti menyemak semula masa pengajaran pelajaran Jawi, dalam seminggu hanya 30 minit sahaja diperuntukkan untuk pelajaran ini berbanding semasa program J-QAF dahulu, iaitu 60 minit seminggu. Kelas Pemulihan Jawi mesti diadakan semula sebagaimana sebelum ini. Justeru itu, guru, keluarga, pihak JAKIM dan masyarakat mestilah menggembungkan tenaga bagi menambah tahap penguasaan kemahiran tulisan Jawi di peringkat awal kanak-kanak lagi secara optimum supaya tulisan Jawi ini boleh dimartabatkan di seluruh negara di masa kini dan masa-masa akan datang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

## Rujukan

Abdul Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amri Daud. (2005). *Kajian Keberkesanan j-QAF di 2 Buah Sekolah Perintis di Terengganu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Farah Nur Imanah. (2011). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Teknik KALAM (Kenali Abjad Lantas Arif Membaca) Untuk Meningkatkan Kemahiran Membatangkan Suku Kata dalam Kalangan Murid-murid Prasekolah SK Tronoh*. Ipoh: Institut Pendidikan Guru.
- Kamus Dewan (1999). Kamus Bahasa Melayu. Diperolehi daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>. Dicapai pada 12 November 2020.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Kem Cemerlang Jawi Modul Tulisan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam.
- Mimijuana Ahmad. (2014). *Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi di Kalangan Murid Tahun 2*. Di perolehi daripada <https://www.slideshare.net/biiey/penguasaan-kemahiran-membaca-dan-menulis-jawi-d-kalangan-murid-tahun-2>. Dicapai pada 5 November 2020.
- Mohammed Khoudrey Abd Hamid. (2014). *Pengajaran Literasi: Membaca Dan Menulis Jawi*. Diperolehi daripada <https://www.slideshare.net/mohammedkhoudreyabdhamid/kajian-jawi-d055735>. Dicapai pada 8 November 2020.
- Naziroh Ibrahim. (2015). *Kesan Modul Pemulihan Intensif dan Berterusan Terhadap Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Rusila Yaakob. (2001). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, (22), 161–172.
- Nor Hayati Ahmad Mokhtar. (2012). *Meningkatkan Kemahiran Membaca Suku Kata untuk Murid Khas Bestari Menggunakan Kad Suku Kata dan Gambar*. Ipoh: Institut Pendidikan Guru.
- Norhashidah Hashim. (2018). *Penguasaan Tulisan Jawi SKT*. Kertas Projek Universiti Terbuka Malaysia, Kampus Kelantan.
- Wan Mat Sulaiman. (2013). *Pendidikan Jawi Baru: Kajian Terhadap Persepsi Para Pelajar dalam Pembelajaran & Penulisan Jawi Baru*. Shah Alam: Universiti Antarabangsa Al-Madinah.

## Lampiran

Markah Ujian Awal dan Ujian Akhir

Bil	Nama Murid	Ujian Awal	Ujian Akhir
1	Zaefieqa	48 %	65 %
2	Awatif	36 %	60 %
3	Arisyalia	24 %	45 %
4	Fatin Aqilah	16 %	70 %
5	Auni Maisarah	32 %	55 %
6	Rayyan	44 %	50 %
7	Fakhrulradhi	8 %	40 %
8	Aqif Hadzriq	12 %	55 %
9	Muaz	40 %	75 %
10	Asyraf Syafwan	28 %	45 %

### UJIAN MENYAMBUNG HURUF MENJADI SKT

Arahan: Sila sambung huruf di bawah menjadi SKT.

Sambungan	Huruf	Bil
	ب + و + ت	1
	ت + ي + ن	2
	م + ج	3
	س + ي + ن	4
	ب + س	5
	ف + م	6
	ن + ف	7
	و + ا + غ	8
	ر + ا + م	9
	ب + ن	10
	ت + ل	11
	ك + و + ن	12
	ت + ي + غ	13
	ج + ر	14
	م + ي + ن	15
	س + غ	16
	ك + ر	17
	ل + غ	18
	س + ي + ر	19
	ك + و + ر	20
	ب + ي + ت	21
	س + و + غ	22
	ك + و + ق	23
	ف + ي + ل	24
	س + و + ف	25

### UJIAN MENYUSUN TULISAN JAWI SKT MENJADI SATU PERKATAAN

Arahan: Sila susun perkataan SKT menjadi satu perkataan.

BIL	TULISAN RUMI	HURUF JAWI	PERKATAAN SKT
1	Bantal	ت-ب-ن-ل	
2	Hancur	هـ-نـ-رـ-وـ-جـ	
3	Panjang	جـ-نـ-فـ-غـ	
4	Masam	مـ-سـ-اـم	
5	Aambil	لـ-بـ-اـمـي	
6	Pensel	لـ-يـ-سـ-فـ-نـ-ي	
7	Cantik	جـ-يـ-تـ-نـ-قـ	
8	Kuntum	مـ-وـ-نـ-تـ-وـ-كـ	
9	Jemput	مـ-جـ-وـ-فـ-تـ	
10	Ombak	بـ-وـ-اـقـ-مـ	

Profil Informen Temu Bual

<b>Aspek</b>	<b>Butiran</b>
Nama	Zaharah Binti Salam
Jantina	Perempuan
Umur	41 Tahun
Kelulusan Akademik Tertinggi	Diploma
Bidang Pengkhususan	Pengajian Islam
Institut Pengajian	IPTA Unisza
Pengalaman Mengajar	14 Tahun
Mengikuti Kursus Jawi	6 Kali